



## **SIARAN AKHBAR KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

### **Mesyuarat Pertama Pegawai-Pegawai Ekonomi Kanan ASEAN Bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN yang ke-Lima Puluh Dua (SEOM 1/52)**

---

**Bandar Seri Begawan, Isnin, 11 Jamadilakhir 1442 / 25 Januari 2021**

1. Mesyuarat Pertama Pegawai-Pegawai Ekonomi Kanan ASEAN Bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN yang ke-Lima Puluh Dua secara rasminya bermula hari ini, 25 Januari 2021, melalui persidangan video. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Yang Mulia Dr Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, Setiausaha Tetap (Ekonomi) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam.
2. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Pegawai-pegawai Ekonomi Kanan dari sepuluh negara-negara anggota ASEAN dan wakil daripada Sekretariat ASEAN yang berpusat di Jakarta, Indonesia.
3. Mesyuarat yang akan berlangsung selama tiga (3) hari ini akan bersidang sehingga hari Rabu, 27 Januari 2021. Antaralain, agenda yang akan dibincangkan pada mesyuarat ini termasuk mengenai sepuluh (10) *Priority Economic Deliverables (PEDs)* Negara Brunei Darussalam, *2021 Annual Priorities* dan merebiu laporan terkini daripada badan-badan sektoral di bawah bidangkuasa SEOM. Selain itu, mesyuarat juga akan membincangkan dan mempertimbangkan hala tuju bagi meningkatkan lagi hubungan perdagangan luar ASEAN.